

28 JULAI 2026

Wasco Perkukuh Keupayaan Pembekal Hadapi Tuntutan Kemampanan Yang Semakin Meningkat

Kerjasama Dengan UN Global Compact Network Malaysia, Brunei & Cambodia Dan Alliance Bank Bantu Pembekal Tingkat Keupayaan ESG Serta Kesiapsiagaan Iklim

KUANTAN, 28 Julai – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”) memperkukuh keupayaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (“ESG”) dalam kalangan rangkaian pembekalnya susulan peningkatan tuntutan kemampanan yang kini semakin mempengaruhi keperluan pelanggan, akses kepada pembiayaan serta daya tahan rantai bekalan.

Sehubungan itu, Kumpulan telah menganjurkan Bengkel *Empowering Development for Green Enabled SMEs & Supply Chains (“EDGE”)* dengan kerjasama UN Global Compact Network Malaysia, Brunei & Cambodia (“UNGCMBC”) dan Alliance Bank Malaysia Berhad (“Alliance Bank”), yang menghimpunkan 42 peserta daripada 30 syarikat pembekal dalam ekosistem rantai bekalan Wasco bagi meningkatkan pemahaman mengenai perkembangan tuntutan kemampanan serta implikasinya terhadap perniagaan. Bengkel ini turut mengetengahkan bagaimana pendekatan ESG yang lebih kukuh dapat membantu pembekal meningkatkan daya tahan operasi, memperkukuh daya saing, memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang serta kemudahan pembiayaan.

Bengkel ini merupakan sebahagian daripada pendekatan menyeluruh Wasco dalam memperkukuh penglibatan pembekal, dengan mengiktiraf bahawa rantai nilai yang berdaya tahan dan berdaya saing bergantung kepada pembekal yang berkeupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran, keperluan pelanggan dan tuntutan kemampanan.

Program yang direka khusus untuk pemilik perniagaan dan pengurusan kanan dalam rantai bekalan Wasco ini menggabungkan pembelajaran praktikal dengan penilaian secara langsung. Peserta memperoleh pengetahuan praktikal mengenai asas ESG, tadbir urus iklim, pelepasan gas rumah hijau, pembiayaan mampan serta penerapan aspek kemampanan dalam operasi perniagaan, sebelum menjalani penilaian tahap kematangan ESG menggunakan RANTAiX, platform penilaian digital UNGCMBC. Pembekal yang mengambil bahagian dalam penilaian tersebut dapat memperoleh gambaran asas mengenai tahap

kematangan ESG masing-masing serta mengenal pasti langkah praktikal seterusnya bagi memperkuat daya tahan perniagaan dan kesiapsiagaan menghadapi perubahan tuntutan pelanggan, keperluan pembiayaan dan keadaan pasaran.

Bengkel ini dikendalikan oleh pakar daripada UNGCMBC dan Alliance Bank yang berkongsi pandangan praktikal mengenai perkembangan tuntutan kemampanan, tadbir urus iklim dan pembiayaan mampan, di samping membimbing peserta memahami penerapannya dalam situasi perniagaan sebenar. Sesi ini turut memberikan pendedahan kepada pembekal mengenai mekanisme sokongan dan saluran pembiayaan yang tersedia bagi menyokong usaha mereka ke arah kemampanan serta peralihan perniagaan.

“Pembekal merupakan rakan penting dalam memastikan kami dapat memenuhi keperluan pelanggan. Seiring peningkatan jangkaan terhadap kemampanan dalam rantai bekalan global, usaha memperkuat keupayaan pembekal menjadi semakin penting bagi membina rantai nilai yang lebih berdaya tahan. Menerusi inisiatif seperti Bengkel EDGE, kami menyediakan pengetahuan praktikal serta platform penilaian yang membantu pembekal memahami keperluan yang semakin berkembang serta membuat persediaan bagi menghadapi cabaran masa hadapan,” **kata Ketua Pegawai Strategi Wasco Berhad, Ariesza Noor.**

Bengkel EDGE mencerminkan usaha Wasco yang lebih menyeluruh untuk memperkuat kerjasama dalam ekosistem pembekalnya menerusi pembangunan keupayaan, perkongsian ilmu dan penglibatan secara praktikal, bagi membantu pembekal menyesuaikan diri dengan perubahan tuntutan perniagaan dan kemampanan.

Seiring dengan usaha ini, Wasco akan terus meneroka peluang untuk memperluas penglibatan bersama pembekal dan memperkuat inisiatif pembangunan keupayaan, selaras dengan komitmennya untuk membangunkan ekosistem rantai bekalan yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan masa depan.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Natasha Brand

natasha.brand@wascoenergy.com

+6016 916 8598

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad ialah penyedia global penyelesaian infrastruktur tenaga dengan operasi merangkumi 12 negara. Teras perniagaan Kumpulan meliputi perkhidmatan saluran paip, kejuruteraan dan fabrikasi serta penyelesaian bioenergi, dalam menyokong pembangunan infrastruktur tenaga konvensional dan berkaitan peralihan tenaga di peringkat global.

Platform bersepadu Wasco menggabungkan kepakaran kejuruteraan, keupayaan fabrikasi serta penyelesaian infrastruktur khusus bagi menyokong pelaksanaan projek tenaga kompleks merentasi pelbagai peringkat rantai nilai industri tenaga.

Untuk maklumat lanjut, layari www.wascoenergy.com.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*